

## BAB 3

### PERANAN AI-'AWĀMIL DALAM SISTEM I'RĀB

#### 3.0 Pendahuluan

Dalam bahasa Arab terdapat kumpulan perkataan yang mengubah fleksi perkataan yang berikutnya dalam satu struktur ayat yang dikenali sebagai pengubah fleksi (العوامل). Jenis kumpulan perkataan ini biasanya terdiri daripada kata kerja, partikel dan sebagainya. Al-'awāmil yang dibincangkan dalam bahagian ini hanya terbatas kepada al-'awāmil al-Jurjānīy (471H) kerana ia menjadi asas utama perbandingan dalam kajian ini. Menerusi bab tiga ini, penulis akan menjelaskan jenis-jenis perkataan yang boleh mengubah fleksi perkataan lain, kesan-kesan perubahan pada fleksi perkataan seperti norminatif, akusatif, genitif dan sebagainya. Begitu juga dengan pola-pola tanda fleksi atau tanda harakat yang diletakkan di hujung perkataan.

#### 3.1 Definisi Kategori Utama al-'Awāmil.

Perbincangan topik ini memerlukan pemahaman yang mendalam terhadap definisi kategori utama al-'awāmil seperti berikut:

1. **Pengubah fleksi (الْعَامِلُ)** iaitu; sesuatu yang mengubah fleksi perkataan dalam ayat .
2. **Perubah fleksi (الْمَعْمُولُ)** iaitu; perkataan-perkataan yang berubah fleksinya berdasarkan jenis-jenis al-'āmil yang berfungsi ke atasnya.
3. **Tanda fleksi (الْعَمَلُ أَوْ عِلَامَةُ الإِعْرَابِ)** iaitu; tanda atau fleksi yang diletakkan di hujung perkataan.

### 3.1.1. Pengubah fleksi (الْعَامِلُ).

Pengubah fleksi (الْعَامِلُ) menurut 'Abdul Qāhir Jurjānīy (1988:11) ialah penyebab perubahan (الْمُؤَثِّرُ) kepada perubah fleksi (الْمَعْمُولُ). Ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

#### 3.1.1.1 Sub Kategori Pengubah fleksi lafzīy (الْعَامِلُ اللَّفْظِيُّ).

Pengubah fleksi lafzīy (الْعَامِلُ اللَّفْظِيُّ) ialah pengubah-pengubah fleksi yang dapat ditanggapi dengan hati dan perasaan (الْحَلْدُ) dan dapat diujarkan dengan lidah seperti partikel genitif (الْحَرْفُ), partikel akusatif (الرَّصْبُ), partikel jazam (الْحَزْمُ) dan sebagainya ('Abdul Qāhir Jurjānīy1988:11).

Pengubah fleksi lafzīy (الْعَامِلُ اللَّفْظِيُّ) mempunyai dua sub-kategori seperti berikut:

#### **3.1.1.1.1 Sub kategori Kepada Sub kategori Pengubah Fleksi Lafzīy Simā'īy (الْعَامِلُ اللَّفْظِيُّ السَّمَاعِيُّ).**

Pengubah fleksi lafzīy simā'īy (الْعَامِلُ اللَّفْظِيُّ السَّمَاعِيُّ) ialah pengubah fleksi yang dapat diujarkan dan didengari daripada orang-orang Arab sahaja dan tidak mengalami proses analogi (التَّطْبِيقُ) dengan perkataan yang lain. Bagi pengubah fleksi jenis ini, ia mempunyai beberapa jenis seperti berikut:

##### **3.1.1.1.1(a) Partikel jar (حُرُوفُ الْجَرِّ).**

Terdapat lebih kurang tujuh belas partikel jar dalam bahasa Arab. 'Abdul Qāhir Jurjānīy (1988:91) telah menjelaskan makna-makna partikel jar tersebut seperti berikut:

##### **1. Partikel Bi (بِ)**

Partikel bi (بِ) yang berfungsi sebagai partikel jar mempunyai fungsi tertentu seperti fungsi huruf tambahan (حُرُوفُ الْإِلْصَاقِ) contohnya

...وَأَمْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ... (Surah al-Māidaṭ 5:5) maksudnya " *dan sapulah sebahagian daripada kepala anda...* ", sebagai fungsi pentransitif; iaitu penukaran kata kerja tak transitif (الَلَاَزِمُ) kepada kata kerja transitif (الْعَلِيّ) contohnya (ذَهَبْتُ بِئِيْدٍ) maksudnya " *saya telah pergi dengan membawa zaid* ", sebagai fungsi meminta bantuan (الإِسْتِعَاةُ) contohnya بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ (Surah al-Fātiḥaṭ 1:1) maksudnya " *dengan nama Allah s.w.t. yang maha pemurah lagi maha mengasihani* ", sebagai fungsi dampingan (الْمُصَاحَبَةُ) contohnya دَخَلْتُ عَلَيْهِ بِثِيَابِ السَّرِيَّةِ, maksudnya " *saya telah berjumpanya dengan berpakaian musafir* " sebagai fungsi pertukaran (الْمُقَابَلَةُ) contohnya ادْخُلُوا الْجَنَّةَ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ (Surah al-Naḥl 16: 32) maksudnya " *masuklah ke dalam Syurga disebabkan amal baik yang telah yang telah kamu kerjakan* ", sebagai fungsi tambahan (الرِّطْبَةُ) contohnya وَكَفَىٰ بِاللّٰهِ شَهِيدًا (Surah al-Faṭḥ 48:28) maksudnya " *Cukuplah Allah s.w.t menjadi saksi* ", sebagai fungsi sumpahan (الْوَعْدُ) contohnya بِاللّٰهِ لَأَفْعَلَنَّ لَكَذَا (Surah al-Faṭḥ 48:28) maksudnya " *dengan nama Allah s.w.t aku bersumpah pasti akan aku lakukannya* ", sebagai fungsi sebahagian (التَّعْيِيْنُ) contohnya عَيْنًا

يَشْرَبُ بِهَا عِبَادُ اللَّهِ يُفَجِّرُونَهَا تَفْجِيرًا (Surah al-Insān 76:6) maksudnya " ...*iaitu*

*sebuah mata air (di syurga) yang diminum daripadanya hamba-hamba Allah (yang taat) mereka boleh mengalirkannya (di tempat-tempat tinggal mereka) dengan aliran yang semudah-mudahnya dan menurut kemahuannya*", sebagai fungsi makna partikel ilā (إِلَى)

contohnya .... وَقَدْ أَحْسَنَ بِي إِذْ أَخْرَجَنِي مِنَ السِّجْنِ (Surah Yūsuf 12:100)

maksudnya " *dan sesungguhnya Tuhanku telah berbuat baik kepadaku ketika ia membebaskan aku dari penjara...*", sebagai fungsi kata keterangan (الظَّرْفُ) contohnya وَلَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ بِبَدْرٍ وَأَنْتُمْ أَذِلَّةٌ فَاتَّقُوا

اللَّهُ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ (Surah Āli-'Imrān 3:123) maksudnya " *dan*

*sesungguhnya Allah telah menolong kamu mencapai kemenangan dalam peperangan Badr, sedang kamu berkeadaan lemah. Oleh itu bertakwalah kamu kepada Allah s.w.t., supaya kamu bersyukur* ", sebagai partikel 'an dengan maksud tentang atau bekrkenaan (عَنْ)

contohnya سَأَلَ سَائِلٌ بِعَذَابٍ وَاقِعٍ (Surah al-Ma'ārij 70:1) maksudnya "

*Salah seorang (dari kalangan orang-orang kafir Mekah, secara mengejek-ejek) meminta kedatangan azab yang (dijanjikan) akan berlaku*", sebagai sebab sesuatu kejadian (السَّبَبُ) contohnya إِنَّكُمْ ظَلَمْتُمْ

أَنْفُسَكُمْ بِاتِّخَاذِكُمُ الْعِجَلَ... (Surah al-Baqaraṭ 2:54) maksudnya "

sesungguhnya kamu telah menganiaya diri kamu sendiri **dengan sebab** kamu telah menyembah patung anak lembu itu...", sebagai makna tinggi (الإِسْعَاءُ) contohnya وَإِذَا مَرُّوا بِهِمْ يَتَغَامِرُونَ (Surah al-Muṭaffifin 83:30) maksudnya " dan apabila orang-orang beriman lalu dekat mereka, mereka memejam celikkan mata sesama sendiri (mencemuhkannya)... ", sebagai penggantian (الْجَلُّ) contohnya لَيْتَ لِي بِهِمْ (المعجم) maksudnya " mudah-mudahan aku jadi **dari** kalangan mereka " dan sebagai makna tebusan contohnya ... بِأَبِي وَأُمِّي... maksudnya " demi bapa dan ibuku..."

## 2. Min (مِنْ)

Partikel Min (مِنْ) yang berfungsi sebagai partikel jar pula mempunyai maksud seperti permulaan satu tujuan (إِسْتِغْنَاءُ الْغَايَةِ) contohnya (أَعُوذُ بِاللَّهِ) (مِنْ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ) maksudnya " aku berlindung dengan nama Allah s.w.t. **daripada** syaitan yang direjam ", maksud ceraian atau pembagian (الْتَفِيزُ) contohnya مِنْهُمْ مَنْ كَلَّمَ اللَّهُ (Surah al-Baqaraṭ 2:253) maksudnya " di antara mereka ada yang Allah s.w.t. berkata-kata dengannya ", maksud penjelasan maksud yang kabur (الْبَيِّنُ)

contohnya فَلَحْتَنِيبُوا الرَّحْسَ مِنَ الْأَوْثَانِ وَاجْتَنِبُوا قَوْلَ الزُّورِ (Surah al-Hajj 22:30)

Maksudnya " maka jauhlah kekotoran syirik **yang disebabkan** oleh penyembahan berhala", maksud tambahan (الرَّكِيَّةُ) contohnya مَا تَرَىٰ فِي

خَلْقِ الرَّحْمَنِ مِن تَفَاوُتٍ (Surah al-Mulk 67: 3) " kamu tidak akan menemui

**sesuatu yang** bertentangan di dalam penciptaan Tuhan yang maha

pengasih ", maksud kerana (الْعَالِيلِ) contohnya مِمَّا خَطَبَاتِهِمْ أُغْرِقُوا فَأَدْخِلُوا

...نَارًا (Surah Nuh 71:25) maksudnya " **disebabkan dosa-dosa dan**

**kesalahan mereka, mereka ditenggelamkan(dengan bah taufan)**

kemudian (pada hari akhirat) dan dimasukkan ke dalam neraka ",

maksud gantian contohnya ( أَرْضِيحُمْ بِاللَّحِيطَةِ الدُّنْيَا مِنَ الْآخِرَةِ... ) (Surah al-

Tawbat 9:25) maksudnya " adakah kamu semua lebih menyukai

kehidupan dunia **berbanding dengan** kehidupan akhirat ", maksud

partikel jar (فِي) contohnya (al-

Jumu'at 69: 9) maksudnya " wahai orang-orang yang beriman

apabila diseru untuk menunaikan sembahyang **pada** hari Jumaat...",

maksud adverba keterangan di sisi atau ketika (عِنْدَ) contohnya لَنْ تُعْنِي

عَنَّهُمْ أَمْوَالُهُمْ وَلَا أَوْلَادُهُمْ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا (Surah Āli-'Imrān 3:10) maksudnya "

sesungguhnya harta benda dan anak-anak mereka yang kafir

kepada Allah s.w.t. tidak dapat melepaskan diri mereka **daripada** seksa Allah s.w.t. walau sedikitpun...", maksud partikel (عَلَى) contohnya (وَلَنَضْرِبَنَّ مِنَ الْوَمِ الْذِينَ كَذَّبُوا...) (al-Anbiyā'21:77) maksudnya "...dan kami telah memenangkannya ke atas kaum yang telah mendustakan...", maksud klasifikasi (الْفَصْلُ) contohnya وَاللَّهُ يَعْلَمُ الْمُفْسِدَ مِنَ الْمُصْلِحِ (al-Baqaraṭ 2:220) maksudnya " Allah s.w.t. mengetahui orang yang merosakkan (harta benda mereka) **daripada** orang yang memperbaikinya", maksud penanggalan atau pelucutan (السَّعْرِيْدُ) contohnya لَقَيْتُ مِنْ زَيْدٍ أَسَدًا maksudnya " saya telah menemui **daripada** zaid sifat (bengis seperti singa).

### 3. Ilā (إِلَى)

Ilā (إِلَى) sebagai partikel jar turut menampilkan beberapa maksud seperti sampai penghujung (إِنقَاءُ الْغَائِي) contohnya ثُمَّ أَتَمُّوا الصِّيَامَ إِلَى اللَّيْلِ (al-Baqaraṭ 2: 187) maksudnya " kemudian sempurnakanlah puasamu **sehingga** malam ", maksud partikel (مَعَ) contohnya وَلَا تَأْكُلُوا... (Surah al-Nisā'4:2) maksudnya " janganlah kamu



makan harta mereka **bersama** harta kamu...", maksud suruhan contohnya (الْأَمْرُ إِلَيْكَ) maksudnya " perintah itu ditujukan **kepada kamu** ", maksud partikel (فِي) contohnya (فَلَا تُؤَكِّدْنِي بِاللَّوْعِ عِدِ كَأَنَّكَ إِلَهِي إِلَى الرَّاسِ) maksudnya " janganlah memberikan amaran yang keras, seolah-olahnya aku **di kalangan** manusia...."

#### 4. Hattā (حَتَّى)

Hattā (حَتَّى) sebagai partikel Jar bermaksud sampai penghujung (انْقِئَاءُ) contohnya (أَكَلْتُ السَّمَكَةَ حَتَّى رَأَسِهَا) maksudnya " aku makan ikan tersebut **hingga** kepalanya ", walaubagaimanapun, partikel Hatta (حَتَّى) turut berfungsi sebagai penghubung persetaraan (الْعَطْفُ).

#### 5. Fī (فِي).

Fī (فِي) sebagai partikel jar mempunyai maksud seperti adverba atau kata keterangan (الظَّرْفِيُّ) sama ada keterangan masa atau keterangan tempat. Selain itu, ia juga mempunyai maksud partikel (عَيْ) contohnya (وَأُصْرِبُّكُمْ فِي جُذُوعِ الرِّجَالِ...) (Taha 20: 71) maksudnya "

nescaya aku akan menyalib kamu sekalian **di pangkal** pohon kurma..." , ia juga bermaksud seiringan (أَلَمْ صَاحِبُ) contohnya فَخَرَجَ عَلَىٰ قَوْمِهِ فِي زِينَتِهِ (Surah al-Qaṣāṣ 28: 79) maksudnya " Ia (Qarun) telah keluar menghadap kaumnya **dengan memakai** perhiasannya....".

## 6. Lam (ل)

Lam (ل) sebagai partikel jar mempunyai beberapa maksud seperti pengkhususan milik dan pengkhususan hak (الْإِحْضَارُ الْمَلِكِيُّ وَالْإِسْتِعْقَاقِيُّ) seperti firman Allah s.w.t dalam الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (surah al-Fātiḥah 2) maksudnya " segala puji tertentu **bagi** Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekalian 'alam" . Ia juga membawa maksud untuk tujuan tertentu (الْوَصْدُ أَوْ لِإِنْطِلَاقٍ) seperti (حَضَرْتُكَ لِإِنْفَعِ بِي) " saya menemuinya bertujuan **untuk memperolehi** faedah". Selain itu, ia juga turut membawa maksud akibat sesuatu (الْعَاقِبَةُ) seperti (لِوَا) ... (لِوَا) maksudnya " beranak pinaklah kamu **untuk** sebuah kematian... " . Ia juga membawa maksud partikel (عَى) seperti firman Allah s.w.t. لِلَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ إِنَّ الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ مِنْ قَبْلِهِ إِذَا يُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ يَخِرُّونَ

dalam (surah al-Isrā' 17:107) maksudnya " *sesungguhnya orang-orang yang diberi ilmu sebelum itu, apabila dibacakan al-Quran kepada mereka, **mereka segera menumuskan muka** dengan sujud (dalam keadaan hiba dan khusyu')*", maksud partikel (فِي) seperti

firman Allah s.w.t. يَا قَوْلُ يَا لَيْتَنِي قَدَّمْتُ لِحَيَاتِي dalam (surah al-Fajr 89: 24)

maksudnya dia berkata: "*alangkah baiknya kalau dahulu aku mengerjakan (amal soleh) **pada hidupku ini...***" , maksud partikel

(عِنْدَ) seperti dalam firman Allah s.w.t. بَلْ كَذَّبُوا بِالْحَقِّ لَمَّا جَاءَهُمْ فَهُمْ فِي أَمْرٍ مَّرِيحٍ (عِنْدَ)

(Surah Qāf 50:5) maksudnya "*sebenarnya mereka telah mendustakan kebenaran, ketika kebenaran datang kepada mereka, mereka berada **dalam** keadaan kacau bilau*" , seterusnya dengan maksud adverb atau kata keterangan masa (عِنْدَ) seperti dalam firman

Allah s.w.t. أَقِمِ الصَّلَاةَ لِذُلُوكِ الشَّمْسِ (Surah al-Isrā' 17:78) maksudnya "

*dirikanlah sembahyang **selepas** gelincir matahari...."* . Ia juga

membawa maksud partikel (مِنْ) seperti (سَمِعْتُ لَكَ صَرَخًا) maksudnya "

*saya mendengar **sebahagian** daripada jeritannya "* , dengan maksud

partikel (إِلَى) seperti firman Allah s.w.t. وَقَالُوا الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا... (إِلَى)

(Surah al-A'rāf 7:43) maksudnya "*mereka berkata: segala puji bagi*

*Tuhan yang menunjuki kami **kepada** perkara ini (syurga) "*, dengan

maksud huruf (و) sumpah (التَّوَسُّمُ) seperti (لَا يَخُوضُ الْأَجَلُ) maksudnya " *demi Allah dia tidak akan menangguhkan sesuatu ketetapan* ".

#### 7. Rubba (رُبَّ).

Rubba (رُبَّ) berperanan sebagai partikel jar membawa maksud pengurangan (الْقَلِيلُ) contohnya (رُبَّ رَجُلٍ صَالِحٍ غَدِيٍّ) bermaksud "berapa **ramai** lelaki yang solih yan berada di sisi saya"

#### 8. 'Alā (عَلَى).

'Alā (عَلَى) sebagai partikel jar mempunyai beberapa maksud di antaranya ialah tinggi (الِإِسْعَاءُ) seperti (زَيْدٌ عَلَى السَّرَطِ) maksudnya " *Zaid sedang berada **di** permukaan*", dengan maksud partikel (عَمَّ) seperti dalam firman Allah s.w.t. وَآتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ (surah al-Baqaraṭ 2:177) maksudnya " *dan mendermanya seseorang akan hartanya **sedangkan** ia menyayanginya*" , dengan maksud kerana (الْعَائِلُ) seperti dalam firman Allah s.w.t. لِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَاكُمْ وَبَشِّرِ الْمُحْسِنِينَ (Surah al-Haj 22:37) maksudnya " *supaya kamu dapat membesarkan*

Allah s.w.t. **disebabkan** petunjuk yang kamu peroleh, lalu berilah khabar gembira kepada orang yang melakukan kebaikan...." , dengan maksud partikel (فِي) seperti dalam firman Allah s.w.t. وَدَخَلَ

... الْمَدِينَةَ عَلَىٰ حِينٍ غَفْلَةٍ... (Surah al-Qaṣāṣ 28:15) maksudnya " Ia (Musa) masuk ke kota tersebut **pada masa** penduduknya sedang leka...", dengan maksud partikel (مِنْ) seperti dalam firman Allah s.w.t. الَّذِينَ إِذَا

اِكْتَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ (Surah al-Muṭaffifin 73:2) maksudnya "mereka yang apabila menerima sukatan (gantang-cupak) dari **orang lain** mereka mengambilnya dengan cukup" , dengan maksud partikel (بِ) seperti dalam firman Allah s.w.t. حَقِيقٌ عَلَىٰ أَنْ لَا أَقُولَ عَلَى اللَّهِ إِلَّا الْحَقَّ (Surah al-A'rāf 7:105) maksudnya " Sudah semestinya aku tidak mengatakan sesuatu **terhadap** Allah s.w.t melainkan yang benar.", dengan maksud memperbaiki (لِإِسْحَاقَ) seperti (فَلَأَنْ لَا يَخْخُلُ الْجَنَّةَ لِرُوءِ) (فعلٍ عَلَىٰ أَنَّهُ لَا يَجِئُ مِنْ رَحْمَةِ اللَّهِ) maksudnya " si Pulan tidak masuk syurga disebabkan buruk perangainya **sebaliknya ia** masuk syurga disebabkan tidak pernah putus asa dari rahmat Allah" , dengan maksud adverb atau kata keterangan (فَوْقَ) contohnya (مَنْ ) (عَلَى زَيْدٍ) maksudnya " siapa yang **mengatasi** zaid ".

## 9. 'An (عَنْ)

'An (عَنْ) sebagai partikel jar mewakili beberapa maksud seperti jauh dan melampaui (الْعُدُّ وَالْمُجَاوِرَةُ) seperti (رَمَيْتُ السَّهْمَ عَنْ الْقَوْسِ إِلَى الصَّيْدِ) maksudnya

" saya telah melepaskan anak panah yang **melepasi** busur terus kepada binatang buruan " , dengan maksud gantian (الْجَدُّ) seperti

firman Allah s.w.t. وَأَتَّقُوا يَوْمًا لَا تَجْزِي نَفْسٌ عَنْ نَفْسٍ شَيْئًا (Surah al-Baqarat

2:123) maksudnya " dan peliharalah diri kamu dari (huru-hara) hari kiamat (yang padanya) seseorang tidak dapat **mengganti** atau melepaskan orang lain sedikitpun", seterusnya ia membawa maksud

partikel (عَنْ) seperti firman Allah s.w.t. فَإِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِن عِبَادِهِ (Surah

Muhammad 47:38) maksudnya " sesungguhnya ia sebenarnya **bakhlil ke atas dirinya sendiri** ", ia juga membawa maksud kerana (الْعِلَّةُ)

seperti firman Allah s.w.t. وَمَا كَانَ اسْتِغْفَارُ إِبْرَاهِيمَ لِأَبِيهِ إِلَّا عَنْ مَوْعِدَةٍ وَعَدَّهَا إِيَّاهُ ...

(Surah al-Tawbat 9:114) maksudnya " dan permintaan ampun dari Ibrahim untuk bapanya, semata-mata **kerana** janji yang telah dilafazkan terhadap bapanya " , membawa maksud adverb atau kata

keterangan masa iaitu selepas (بَعْدَ) seperti firman Allah s.w.t. لَتَرْكَبُنَّ

﴿١٩﴾ طَبَقًا عَنْ (Surah al-Insyiqāq 84:19) maksudnya " *kamu pasti akan **melepasi** tahap demi tahap*" , membawa maksud partikel (مِنْ) seperti firman Allah s.w.t. ﴿٢٥﴾ عَنْ عِبَادِهِ (Surah al-Syūrā 42:25) maksudnya " *dialah Tuhan yang menerima taubat **daripada** hambanya*" , dengan maksud partikel (بِ) seperti firman Allah s.w.t. ﴿٣﴾ وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ (surah al-Najm 53:3) maksudnya " *beliau (Muḥammad) tidak bertutur **dengan** hawa nafsunya*" , dengan maksud bantuan (الإِسْطِغَاةُ) contohnya (رَمَيْتُ السَّهْمَ عَنِ الْقَوْسِ) maksudnya " *aku memanah **dengan bantuan** busur panah*" , dengan maksud partikel (أَنْ) kata dasar seperti (أَعَجَبَنِي أَنْ تَفْعَلَ) dengan adverb atau kata keterangan tempat (جَانِبِ) contohnya (مِنْ عَنِّي يَمِينٍ شَمَالٍ وَأُمَامٍ) maksudnya " *sekali **ke sebelah** kanan dan sebelah depan*" .

#### 10. Al-kāf (ك).

Al-kāf (ك) (التَّشْبِيهُ) sebagai partikel jar membawa maksud seperti atau seumpama (الشَّيْبِ) contohnya firman Allah s.w.t. لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ

(Surah al-Syūrā 43:11) maksudnya “ *Tiada sesuatupun yang menyerupaiNya* “.

### 11. Muz dan Munzu (مُذُّ وَمُنْذُ)

Muz dan munzu (مُذُّ وَمُنْذُ) membawa maksud berkekalan (الإِسْقَاةُ)

seperti (أَنْتَ عِنْدَنَا مُذُّ وَمُنْذُ اللَّيَالِي) maksudnya “ *kamu perlu tinggal bersama kami sepanjang malam* ”.

### 12. Al-Waw (و) sumpah (الْقَسْمُ).

Al-Waw (و) sumpah (الْقَسْمُ) sebagai pertikel jar membawa maksud

sumpah (الْقَسْمُ) seperti firman Allah s.w.t. وَالْقُرْآنِ الْحَكِيمِ dalam (Surah

Yāsin 32:2) maksudnya “ *demi al-Quran yang mengandungi hikmah-hikmah* “.

### 13. Ta' (ت) sumpah (الْقَسْمُ).

Ta' (ت) sumpah (الْقَسْمُ) membawa maksud sumpah seperti (تَاللَّهِ لَأَفْعَلَنَّ)

maksudnya “ *demi Allah aku akan melakukannya* ”.



**14. Bi' (بِ) sumpah (الْقَسْمُ).**

Ba' (بِ) sumpah (الْقَسْمُ) membawa maksud sumpah seperti (بِاللَّهِ لِأَفْعَلَنَّ)

maksudnya “ *demi Allah aku akan melakukannya* ”

**15. Hāsyā (حَاشَا) penafian atau penyucian (التَّوْبِيحُ).**

Hāsyā (حَاشَا) sebagai partikel membawa maksud penafian atau

penyucian (التَّنْزِيهُ) seperti firman Allah s.w.t. وَقُلْنَ حَاشَ لِلَّهِ مَا هَذَا بَشَرًا إِنْ هَذَا

إِلَّا مَلَكٌ كَرِيمٌ (Surah Yūsuf 12:31) maksudnya “ *mereka berkata*

“*jauhnya Allah dari kekurangan! ini bukanlah seorang manusia, ini tidak lain, melainkan malaikat yang sangat mulia* “.

**16. ‘Adā (عَدَا) dan khalā (خَلَا).**

‘Adā (عَدَا) dan khalā (خَلَا) sebagai partikel membawa maksud

pengecualian (الِإِسْتِثْنَاءُ) contohnya (جَاءَ التَّوْمُ عَدَا/خَلَا زَيْدٌ) maksudnya “

*Orang ramai telah datang kecuali Zaid* “.

**3.1.1.1.1(b) Partikel yang mengubah kata nama kepada akusatif dan mengubah prediket menjadi nominatif ( اَلْحُرُوْفُ تَنْصِبُ الْاِسْمَ وَتَرْفَعُ ) ( اَلْخَبَرَ ).**

'Abdul Qāhir Jurjānīy (1988:147) merekodkan enam partikel yang mengubah kata nama kepada akusatif dan mengubah prediket menjadi nominatif. Penjelasan tentang partikel tersebut adalah seperti berikut:

### **1. Inna ( اِنَّ )**

Partikel ( اِنَّ ) berfungsi menegaskan ( اَلتَّوَكِيْدُ ) kandungan sesuatu ayat seperti firman Allah s.w.t ﴿ ٤٣ ﴾ اِنَّ رَبَّكَ لَذُو مَغْفِرَةٍ وَذُو عِقَابٍ اَلِيْمٍ (Surah Fuṣṣilaṭ 41: 43) maksudnya “ **sesungguhnya** Tuhan kamu pemilik pintu pengampunan dan yang mempunyai azab yang amat pedih “.

### **2. Anna ( اَنَّ )**

Partikel Anna ( اَنَّ ) berfungsi menegaskan ( اَلتَّأْكِيْدُ ) kandungan sesuatu ayat seperti firman Allah s.w.t ﴿ ١٠ ﴾ اِنَّ الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ (Surah Yūnus 10: 10). maksudnya “ **sesungguhnya** segala pujian itu milik Allah s.w.t. iaitu Tuhan sekalian alam “.

### 3. Lākinna (لَكِنَّ).

Partikel lākinna (لَكِنَّ) berfungsi membatasi makna atau menghapuskan kesangsian (الِإِسْعْرَاكُ) contohnya (جَاءَنِي زَيْدٌ وَلَكِنَّ مُحَمَّدًا لَمْ يَجِئْ ) maksudnya “ *Zaid telah datang menemui aku **tetapi** Umar belum datang lagi* “.

### 4. Kaanna (كَأَنَّ)

Partikel Kaanna (كَأَنَّ) berfungsi mengumpamakan sesuatu (الْأَنْشِبُهُ) seperti (كَأَنَّ السَّحَابَ الْأَبْيَضَ قَطَنٌ) maksudnya “ *awan putih itu **seumpama** kain kapas* “.

### 5. Laita (لَيْتَ).

Partikel laita (لَيْتَ) berfungsi menyatakan angan-angan terhadap sesuatu sama ada yang mungkin dicapai atau yang mustahil seperti (لَيْتَ الشَّرَّابُ يَجُودُ). Maksudnya “ ***mudah-mudahan** zaman keremajaan akan kembali* “

## 6. La'alla (لَعَلَّ)

Partikel La'alla (لَعَلَّ) berfungsi menyatakan harapan terhadap sesuatu seperti firman Allah s.w.t. ﴿وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّ السَّاعَةَ قَرِيبٌ﴾ (Surah al-Syūrā 42:17) maksudnya " *dan tahukah kamu **boleh jadi** hari Kiamat itu sudah dekat* ". Ia juga sesekali berfungsi menyatakan sebab seperti firman Allah s.w.t. ﴿لَعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَى﴾ (Surah Tāhā 20:44) maksudnya " *berbicaralah kamu berdua dengan kata-kata yang lemah lembut, **semoga** ia akan ingat dan takut* " .

### 3.1.1.1(c) Partikel ma (مَا) dan la (لَا) yang menyamai partikel laisa (لَيْسَ).

Menurut 'Abdul Qāhir Jurjānīy (1988:177), partikel ini mengubah kata nama menjadi akusatif (مَنْصُوبٌ) dan mengubah prediket menjadi nominatif (مَرْفُوعٌ). Ia berfungsi untuk menyatakan penafian (الرُّقْبُ) seperti ﴿مَا رَجُلٌ أَفْضَلُ مِنْكَ﴾ maksudnya " *tiada seorang lelaki pun yang lebih baik daripada kamu* " dan firman Allah s.w.t. ﴿وَلَا تَحِثُّ مَنَاصِ﴾

(Surah Sad 38:3) maksudnya " padahal saat itu **bukanlah** saat meminta pertolongan melepaskan diri dari azab".

### 3.1.1.1(d) Partikel yang mengubah kata nama sahaja kepada akusatif (حُرُوفٌ تُصَرِّبُ الْإِسْمَ فَقَطْ).

Partikel yang mengubah kata nama sahaja kepada akusatif mempunyai tiga jenis sahaja ('Abdul Qāhir Jurjānīy 1988:187) iaitu:

#### 1. Al-Waw (وَ) dengan maksud ma'a (عَمَّ).

Partikel al-waw (وَ) dengan maksud bersama (عَمَّ) seperti (إِسْوَى الْمَاءِ وَ )

( الْحَشْبَقَةُ أَي وَصَلَ الْمَاءُ إِلَى الْحَشْبَقَةِ ) maksudnya " paras air telah **menyamai** batang kayu tersebut ".

#### 2. Illā (إِلَّا) untuk pengecualian.

Partikel Illā (إِلَّا) berfungsi menyatakan pengecualian seperti firman

Allah s.w.t. وَمَنْ يَغْفِرِ الذُّنُوبَ إِلَّا اللَّهُ (Surah Āli-'Imrān 3: 135) maksudnya "

siapakah lagi yang boleh mengampunkan dosa-dosa **melainkan** Allah s.w.t. " .

### 3. Ya (يَا), Ayaā (أَيَّ) dan Hayyā (هَيَّا)

Partikel ini adalah kata seruan untuk panggilan jauh ayyā (أَيَّ) dan hayyā (هَيَّا) manakala hamzah (ء) kata seruan untuk panggilan dekat. Contohnya firman Allah s.w.t. يُوسُفُ أَعْرِضْ عَنْ هَذَا (Surah Yūsuf 12:29) maksudnya "**Wahai Yusuf berpalinglah daripada semua ini**". Ayat ini mengandungi kata seruan yang digugurkan iaitu (يَا). Asalnya يَا يُوسُفُ.

#### 3.1.1.1(e) Agen akusatif untuk kata kerja kala kini (حُرُوفُ تَنْصِبٍ)

(الْمُضَارِعِ). Menurut 'Abdul Qāhir Jurjānīy (1988:203) terdapat sebanyak empat partikel yang termasuk di bawah kategori ini seperti:

##### 1. An (أَنَّ) merujuk masa hadapan (الْإِسْقَابِلُ).

Partikel an (أَنَّ) merujuk masa hadapan (الْإِسْقَابِلُ). Ia juga berfungsi sebagai nama terbitan (الْمُضَارِعِ). Seperti firman Allah s.w.t. وَأَنْ تَصُومُوا (أَلَمْ صَدَرْتُمْ) (Surah al-Baqaraṭ 2:184) maksudnya "**jika kamu berpuasa ia adalah lebih baik bagi kamu**".

## 2. Lan (لَنْ) untuk penafian masa akan datang (لَنْفِي الْإِسْتِقْبَالِ)

Partikel lan (لَنْ) untuk penafian masa akan datang (لَنْفِي الْإِسْتِقْبَالِ)

contohnya firman Allah s.w.t. ... لَنْ تَرَانِي... ( Surah al-A'rāf 7:143)

maksudnya " *kamu sekali-kali **tidak akan** dapat melihat aku* ".

## 3. Kay (كَيْ) dengan maksud sebab (الْعَلَّيْلُ).

Partikel (كَيْ) dengan maksud kesan sebab daripada sesuatu perkara

(التَّعْلِيلُ). Contohnya firman Allah s.w.t. لِكَيْلَا تَأْسَوْا عَلَىٰ مَا فَاتَكُمْ (Surah al-

Ḥadīd 57:23) maksudnya " *supaya kamu **tidak** berdukacita terhadap sesuatu yang bukan milik kamu* ".

## 4. Izan (إِذَنْ).

Partikel ini berfungsi sebagai jawab syarat (جَوَابُ الشَّرْطِ). Contohnya

(إِذَنْ نَوْمِ يَوْمٍ) maksudnya " ***kalau begitu**, kita perangi mereka sahaja* "

### 3.1.1.1(f) Agen jazam (الْجَزْمُ) untuk kata kerja kala kini ( الْأَدْوَاتُ نَهْرَمُ )

(. الْفَعْلَ الْمُضَرِّعَ )

Menurut 'Abdul Qāhir Jurjānīy (1988:211) terdapat sebanyak lima partikel yang termasuk di bawah kategori ini seperti:

#### 1. Lam (لَمْ).

Partikel ini berfungsi sebagai agen penafian (الرُّقْبُ) seperti ( لَمْ يَسْعَدْ )

( الْعَصْرِي فِي حَالِيهِ ) maksudnya " orang yang sering melakukan maksiat

**tidak** bahagia dalam hidupnya ".

#### 2. Lammā (لَمَّا).

Partikel ini berfungsi sebagai agen penafian. Namun, ia terbatas dengan masa dan keadaan seperti dalam firman Allah s.w.t. بَلْ لَمَّا

يَذُوقُوا عَذَابِ ﴿٨﴾ (Surah ṣād 38: 8) maksudnya " bahkan mereka

**belum** merasai azabku " .



### 3. Lām al-Amr (ل).

Partikel laam al-amr (ل) mengandungi maksud tuntutan atau suruhan seperti firman Allah s.w.t ... فَلَهَّسْتَجِيبُوا لِي وَلْتُؤْمِنُوا بِي (Surah al-Baqaraṭ 2:186) maksudnya " **hendaklah** mereka menyahut seruanku (dengan mematuhi perintahKu) dan hendaklah mereka beriman kepada aku " .

### 4. Lā Nāhiyat (لَا).

Partikel ini mengandungi maksud tegahan (الْوَيْ) seperti firman Allah s.w.t. رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا (Surah al-Baqaraṭ 2: 286) maksudnya “ wahai Tuhan kami **janganlah** engkau hukum kami jika kami terlupa atau tersalah “ .

### 5. In (إِنْ) syarat.

Partikel ini bermaksud jika seperti firman Allah s.w.t. يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنْ تَنْصُرُوا اللَّهَ يَنْصُرْكُمْ وَيُثَبِّتْ أَقْدَامَكُمْ (Surah Muḥammad 47: 7) maksudnya “wahai orang-orang yang beriman **jika** kamu menolong agam Allah s.w.t., Allah s.w.t. pasti akan menolong kamu dan menetapkan kedudukan kamu”.

### 3.1.1.1.1(g). Agen jazam untuk dua kata kerja dalam ayat syarat

(مَا يَجْزِمُ الْفَعْلَيْنِ عَلَى الشَّرْطِيِّ).

Agen jazam untuk dua kata kerja dalam ayat syarat mempunyai enam partikel yang termasuk di bawah kategori ini ('Abdul Qāhir Jurjānīy 1988:211).

1. **Man (مَنْ)** seperti ( مَنْ ضَرَبْتُ أُضْرِبُهُ. أَيِ إِنْ ضَرَبْتُ زَيْدًا أُضْرِبُ زَيْدًا )

maksudnya “**sesiapa** yang memukulnya, saya pasti akan memukulnya “.

2. **Ma (مَا)** seperti firman Allah s.w.t. وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ (Surah al-

Baqaraṭ 2:197) maksudnya “ **apa sahaja** kebaikan yang kamu lakukan, nescaya Allah s.w.t. akan mengetahuinya “ .

3. **Ayyā (أَيُّ)**

Partikel ini bermaksud “yang mana sahaja” seperti dalam firman

Allah s.w.t. أَيُّ الْأَجَلَيْنِ فَضَيْتُ فَلَا عُدْوَانَ عَلَيَّ (Surah al-Qāṣāṣ 28: 28)

maksudnya “**yang mana sahaja** dari dua tempoh itu yang aku tunaikan, maka janganlah hendaknya aku disalahkan” .

#### 4. Matā ( مَتَى ).

Partikel ini bermaksud “bila” seperti ( مَتَى نَخْرُجُ أَخْرُجُ ) maksudnya “ **bila** anda keluar saya juga akan keluar “.

#### 5. Aina ( أَيْنَ ).

Partikel ini bermaksud “di mana juga” seperti firman Allah s.w.t أَيْنَمَا

تَكُونُوا يُدْرِكُكُمُ الْمَوْتُ ... (Surah al-Nisa’4:78) maksudnya “ **di mana** sahaja kamu berada, kematian pasti akan menemui kamu ...”.

#### 6. Haithumā ( حَيْثُمَا ).

Partikel ini bermaksud “sekiranya” seperti ( حَيْثُمَا تَقِفْ تَجِدْ لَكَ اللَّهُ نَجَاحًا فَي )

( غَابِ الْأَرْمَنِ ) maksudnya “ **sekiranya** kamu tetap dengan pendirian kamu, nescaya Allah s.w.t. akan kurniakan kamu kejayaan sepanjang zaman”.

#### 3.1.1.1(h) Agen akusatif kepada kata nama al-tamyīz ( التَّمْيِيزُ ).

Agen ini ialah kata nama yang terdiri daripada jenis kata nama sukatan ( إِسْمُ الْوَزْنِ وَاللُّغْلُ وَالْمِسْحَقُ ) dan kata nama bilangan seperti ( أَرْبَعُ )

(وَعَشْرِينَ). Ia berperanan mengubah kata nama am menjadi akusatif disebabkan al-tamyiz (التَّمْيِيزُ) seperti *دِرْهَمًا ذَهَبًا* maksudnya “*saya telah membeli satu dirham emas* “. (‘Abdul Qāhir Jurjānīy 1988:231). Selain daripada itu, kata kam (كَمْ) yang digunakan untuk pertanyaan (الإِسْفَهَامِيَّةُ) turut menjadi agen akusatif kepada kata nama al-tamyiz (الصَّيْرُ) seperti dalam contoh berikut (كَمْ رَجُلًا عِنْدَكَ) maksudnya “*berapa orang pemudakah kamu miliki?* “. (‘Abdul Qāhir Jurjānīy 1988:239).

### 3.1.1.1.1(i) Kata nama ' al-af'āl (أَسْلَمُ الْأَفْعَالِ)

Menurut 'Abdul Qāhir Jurjānīy (1988:243) kata nama al-af'āl mempunyai fungsi sebagai agen akusatif dan nominatif terhadap kata nama seperti:

#### 1. Ruwaidan (رُؤَيْدًا)

Kata nama ini bermaksud “*beri masa atau perlahan*”. Ia dapat berfungsi sebagai agen akusatif seperti (رُؤَيْدًا خَالِدًا) asalnya (أَصْلُهُ أَرُودٌ) (خَالِدًا). Di samping itu, ia juga dapat berfungsi sebagai agen genitif

dalam bentuk idhafah (الإِضَافَةُ) seperti (رُوِيَ خَالِدًا) maksudnya “ **berilah masa kepada Khalid**”.

## 2. Balhu (بَلُّهُ).

Kata nama ini pula bermaksud tinggalkan (أَتْرَكَ) seperti (بَلُّهُ زَيْدًا). Ia juga boleh menjadi kata dasar yang diidhafahkan dengan objeknya (مَفْعُولٌ) seperti (بَلُّهُ زَيْدًا أَي تَرَكْتُ زَيْدًا) maksudnya “ **tinggalkanlah Zaid** “

## 3. Dunaka (دُونَكَ)

Kata nama ini bermaksud ambillah (خُذْ) seperti (دُونَكَ زَيْدًا )  
maksudnya “ **ambillah Zaid** “.

## 4. ‘Alaika (عَلَيْكَ)

Kata nama ini bermaksud kekalkanlah atau lazimilah (الرِّمُّ) seperti (عَلَيْكَ زَيْدًا) maksudnya “ **hendaklah kamu sentiasa bersama dengan Zaid**”.

## 5. Ha ( هـ )

Kata nama ini bermaksud ambillah seperti هَا زَيْدًا. Ia (هَاءٌ) digunakan sama ada dengan huruf (ك) al-khiṭāb seperti هَاكُمَا, هَاكُ dan sebagainya.

## 6. Hayyahal ( حَيَّاهُ )

Kata nama ini bermaksud “marilah, cepatlah dan lekaslah” seperti (حَيَّاهُ الصَّلَاةَ) maksudnya “*marilah bersembahyang*”.

Manakala sebagai agen nominitif ada tiga perkataan iaitu:

### 1. Haihāt ( هَيَّاتِ )

Kata nama ini bermaksud “ alangkah jauhnya” (هَيَّاتِ) seperti firman

Allah s.w.t. هَيَّاتِ هَيَّاتِ لِمَا تُوعَدُونَ (Surah al-Mu’minūn 23: 36)

maksudnya “ *jauh sekali terhadap apa yang diancamkan kepada kamu*” .

### 2. Syattān ( شَيْطَانٌ )

Kata nama ini bermaksud “jauh berpisah” contohnya

( شَرِكًا زَيْدٌ وَعَمْرُو..أى افترقا ) maksudnya “Zaid dan Umar telah **jauh terpisah**”.

### 3. Sur’ān (سُرْعَانَ).

Kata nama ini bermaksud “cepat, pantas, laju” seperti (سُرْعَانَ ذَا إِهَالَةٍ) maksudnya “cepatnya orang yang mempunyai kepakaran itu” .

#### 3.1.1.1.1(j) Gugusan Kata kerja Kāna (الْأَفْعَالُ الرَّاقِصَةُ).

Menurut 'Abdul Qāhir Jurjānīy (1988:251) kesemua kata kerja ini boleh mengubah tanda fleksi huruf terakhir perkataan yang berperanan sebagai subjek menjadi nominitif dan prediket menjadi akusatif dalam ayat. Ia mempunyai tiga belas kata kerja seperti berikut:

#### 1. Kāna (كَانَ)

Kata kerja yang mempunyai fungsi perujuk masa lepas dan berterusan tanpa diketahui mulanya dan akhirnya seperti firman Allah s.w.t كَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا (Surah al-Nisa'4:17) maksudnya “ **adalah Allah s.w.t. itu maha mengetahui lagi maha bijaksana** “.

## 2. Sāra (صَرَدَ)

Kata kerja ini mempunyai fungsi menyatakan perubahan (الْإِنْقِلَابُ) sama ada untuk sifat, tempat, bentuk dan sebagainya. Contohnya (صَارَ زَيْدٌ غَنِيًّا) maksudnya “*Zaid sudah jadi orang kaya*”.

## 3. Aṣbaḥa (أَصْبَحَ)

Kata kerja ini mempunyai fungsi menyatakan masa pada waktu pagi seperti (أَصْبَحَ زَيْدٌ قَلْبًا) maksudnya “*pagi-pagi lagi Zaid sudah bangun*”.

## 4. Ḍalla (ظَلَّ)

Kata kerja ini mempunyai fungsi makna yang bercirikan waktu siang. Ia bermaksud “terus” seperti (ظَلَّ زَيْدٌ قَلْبًا). Di samping itu ia juga bermaksud perubahan seperti maksud (الْإِنْقِلَابُ) sama seperti (صَرَدَ) contohnya firman Allah s.w.t. dalam (Surah al-Naḥl 16:58) (ظَلَّ وَجْهَهُ) maksudnya “*Berubah mukanya menjadi hitam*”.



### 5. Amsā (أَمْسَى)

Kata kerja ini mempunyai fungsi makna yang bercirikan waktu petang seperti (أَمْسَى زَيْدٌ غَنِيًّا) maksudnya “*Zaid menjadi seorang yang kaya pada waktu petang*”.

### 6. Aḍḥā (أَضْحَى)

Kata kerja ini mempunyai fungsi makna yang bercirikan waktu awal pagi seperti (أَضْحَى زَيْدٌ وَرِعًا) maksudnya “*Zaid jadi wara' pada waktu pagi*”.

### 7. Bāta (بَلَّتْ)

Kata kerja ini mempunyai fungsi makna yang bercirikan waktu malam seperti (بَلَّتْ زَيْدٌ خَزِيرًا) maksudnya “*Zaid tidur pada waktu malam dengan penuh kebimbangan*”.

## 8. Māzāla (مَزَال)

Kata kerja ini mempunyai fungsi makna berterusan (الإِسْفَارُ)

contohnya (مَزَالُ الْإِسْلَامِ غَيْرًا..) maksudnya “Islam itu akan **sentiasa** dipandang mulia”.

## 9. Mābariḥa (مَبْرَح)

Kata kerja ini mempunyai fungsi makna seperti māzāla (مَزَال) iaitu;

berterusan (الإِسْفَارُ) seperti (مَبْرَحُ الْعَدْلِ أَسَاسُ الْأَمَنِ) maksudnya “

**Keadilan kekal** sebagai asas keamanan “.

## 10. Māfati’a (مَفَاتِيح)

Kata kerja ini mempunyai fungsi makna berterusan (الإِسْفَارُ) seperti

(مَفَاتِيحُ الْعِلْمِ مُقَدِّمَاتٌ) maksudnya “**Ilmu terus maju** “.

## 11. Māanfaka (مَأْنَفَكَ)

Kata kerja ini juga mempunyai fungsi makna berterusan (الإِسْتِمْرَارُ)

seperti (مَأْنَفَكَ السَّلْجُ بِلَدًا) maksudnya “**Salji masih beku** “

## 12. Madāma (مَادَامَ)

Kata kerja ini mempunyai fungsi berterusan (الإستمرار) berdasarkan had masa tertentu seperti firman Allah s.w.t. (Surah Maryam 19:31) ( وَأَوْصَانِي بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ مَا دُمْتُ حَيًّا ) maksudnya “ *Dia sentiasa berwasiat kepadaku supaya bersembahyang dan mengeluarkan zakat selagi aku hidup* “.

## 13. Laisa (لَيْسَ).

Kata kerja ini mempunyai fungsi penafian masa kini seperti firman Allah s.w.t. ... لَيْسَ الْبِرُّ أَنْ تُولُّوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ ... (Surah al-Baqarāḥ 2:176) maksudnya “ *bukanlah dikatakan kebaikan dengan memalingkan mukamu ke arah timur ataupun barat* “.

### 3.1.1.1(k) Gugusan kata kerja al-Muqārabat (أَلْمُقَارَبَةُ).

Kata kerja ini berfungsi mengubah fleksi huruf terakhir perkataan yang berperanan sebagai subjek menjadi nominitif dan prediket menjadi akusatif dalam ayat (’Abdul Qāhir Jurjānīy 1988:265).

### 1. 'Asā (عَرَى)

Kata kerja ini berfungsi menyatakan harapan (الرَّجَاءُ) dengan maksud

“mudah-mudahan” seperti firman Allah s.w.t. (Surah al-A'rāf 7:7)

(عَرَى رَبُّكُمْ أَنْ يَحْلِكَ عَدُوَّكُمْ...)

maksudnya “ **semoga** tuhan kamu membinasakan musuh-musuh kamu “.

### b. Karuba (كَرَبَ)

Kata kerja ini bermaksud “menghampiri” seperti (كَرَبَتِ الشَّمْسُ لِمِغْبٍ)

maksudnya “matahari **sudah hampir hilang**”

### c. Awsyaka (أَوْشَكَ)

Kata kerja ini bermaksud “hampir terjadi” seperti (أَوْشَكَ الْأَمْرُ كَذَا)

maksudnya “urusan itu **hampir terjadi seperti ini**”.

### 3.1.1.1(I) Gugusan kata kerja pujian (فَعْلُ الْمُدْحِ) dan cercaan zam

(فَعْلُ الذَّمِّ).

Kumpulan kata kerja ini berfungsi mengubah tanda “harakat” huruf

terakhir perkataan yang berperanan sebagai subjek (الْمُحَاةُ) menjadi

nominitif (مَرْفُوعٌ) dan prediket (الْخَبْرُ) menjadi akusatif (مَنْصُوبٌ) dalam ayat ('Abdul Qāhir Jurjānīy 1988:269) .

### 1. Ni'ma (نِعْمَ)

Kata kerja ni'ma (نِعْمَ) bermaksud “sebaik-baik” seperti firman Allah

s.w.t. نِعْمَ الْعَبْدُ إِنَّهُ أَوَّابٌ (Surah Sād 38: 38) maksudnya “ **sebaik-baik**

*hamba ialah yang taat pada perintah Tuhannya* ”.

### b. Bi'sa (بِئْسَ)

Kata kerja ini bermaksud “amatlah buruk” seperti dalam firman Allah

s.w.t. بِئْسَ الشَّرَابُ وَسَاءَتْ مُرْتَفَقًا (Surah al-Kahfi 18: 29) maksudnya

“*amatlah **buruknya** minuman itu dan amatlah buruknya (neraka) sebagai tempat tinggal* “ .

### c. Sā'a (سَاءَ)

Kata kerja ini digunakan untuk mencela seseorang dengan maksud

“amat buruk” seperti dalam firman Allah s.w.t. dalam surah (al-Munāfiqūn:63) (سَاءَ مَا يَحْكُمُونَ) maksudnya “ **amat buruklah** apa yang

*mereka putuskan*”.

#### d. Habbazā (حَبَبًا)

Kata kerja ini digunakan untuk memuji seseorang seperti ni'ma (نِعْمَ)

dengan maksud “disukai” seperti (حَبَبًا الرَّجُلُ زَيْدًا) maksudnya “ **amat**

**baik** lelaki yang bernama Zaid “

#### 3.1.1.1(m) Gugusan kata kerja syak dan yakin (أَفْعَالُ الشَّرْكِ وَالْيَقِينِ)

atau (أَفْعَالُ التَّوْبِ).

Kumpulan kata kerja ini merupakan agen akusatif yang boleh mengubah tanda fleksi huruf terakhir dua perkataan yang keduanya berperanan sebagai objek’(Abdul Qāhir Jurjānīy 1988:275).

Kata kerja jenis ini ada sebanyak tujuh jenis seperti yang berikut:

#### 1. Zanna (ظَنَّ).

Kata kerja Zanna (ظَنَّ) bermaksud “menyangka” seperti (ظَنَنْتُ زَيْدًا )

(صَادِقًا) maksudnya “aku **menyangka** Zaid seorang yang jujur “.

## 2. Hasiba (حَسِبَ).

Kata kerja ini bermaksud “menyangka atau mengandai” seperti (حَسِبْتُ)

(زَيْدًا صَادِقًا) maksudnya “aku **menyangka** Zaid seorang yang jujur”.

## 3. Khāla (خَالَ).

Kata kerja ini bermaksud “menyangka atau mengandai” seperti (خَلْتُ)

(مُحَمَّدًا أَخَاكَ) maksudnya “aku **menyangka** Muhammad itu saudara kamu”.

## 4. Za‘ima (زَعَمَ)

Kata kerja za‘ima (زَعَمَ) bermaksud “menyangka atau mengandai”

seperti (زَعَمَهُ صَادِقًا) maksudnya “Dia **menyangkanya** seorang yang jujur”.

## 5. ‘Alima (عَلِمَ)

Kata kerja ‘Alima (عَلِمَ) bermaksud “yakin dan percaya” seperti dalam

firman Allah s.w.t. فَإِنْ عَلِمْتُمُوهُنَّ مُؤْمِنَاتٍ فَلَا تَرْجِعُوهُنَّ إِلَى الْكُفَّارِ (Surah al-

Mumtahanat 60:10) maksudnya “ *Sekiranya **kamu menyakini** perempuan-perempuan itu benar-benar beriman, janganlah kamu kembalikan mereka kepada (suami-suami) mereka yang kafir* “.

## 6. Ra'ā (رَأَى)

Kata kerja ra'ā (رَأَى) bermaksud “mendapatinya atau menyangka” seperti (رَأَى فَلَانًا عَالِمًا) maksudnya “*dia **mendapati** si Pulan itu seorang yang pandai* “.

## 7. Wajada (وَجَدَ)

Kata kerja bermaksud “mendapatinya atau mengetahui” seperti (وَجَدْتُ الْعِلْمَ لَافِعًا) maksudnya “*aku **mendapati** ilmu pengetahuan itu sangat bermanfaat* “.

### 3.1.1.1.2 Sub Kepada Sub Kategori Pengubah fleksi lafzīy Qiyāsīy (الْعَامِلُ)

(الْأَفْظِيُّ التَّوْبِيحِيُّ)

Pengubah fleksi lafzīy Qiyāsīy (الْعَامِلُ الْأَفْظِيُّ التَّوْبِيحِيُّ) ialah pengubah fleksi yang diujarkan dan didengar daripada orang-orang Arab sahaja serta boleh dibandingkan dengan perkataan yang lain secara analogi. Menurut 'Abdul



Qāhir Jurjānīy (1988:283) pengubah fleksi jenis ini, ia mempunyai sembilan jenis perkataan seperti berikut:

### 3.1.1.1.2(a) Kata kerja (الْفِعْلُ)

Kata kerja (الْفِعْلُ) ialah perkataan yang menunjukkan sesuatu peristiwa yang disertai masa tertentu (kala lampau, kini, akan datang). Ia terdiri daripada kata kerja tak transitif (لَا زِمٌ) iaitu; kata kerja yang tidak memerlukan objek dan kata kerja transitif (مُتَعَيِّنٌ) iaitu; kata kerja yang memerlukan objek. Ia adalah agen nominatif bagi pembuat (الْفَاعِلُ) serta agen akusatif bagi objek (الْمَفْعُولُ) seperti (نَصَرَ زَيْدٌ عُمَرَ) maksudnya “*Zaid menolong Umar*”.

### 3.1.1.1.2(b) kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ).

Kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) ialah kata nama (اسْمٌ) yang menunjukkan pelaku sesuatu perbuatan mengikut pola-pola kata kerja tertentu seperti kata kerja yang berasal daripada tiga huruf (لَصْرٌ) mestilah mengikut pola fa'il (فَاعِلٌ) contohnya (الْمُجَرِّدُ) maksudnya “penolong” atau dharibun (ضَرْبٌ) “pemukul”. Manakala

kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) yang tidak berasal daripada tiga huruf, pola kata nama pelakunya hendaklah mengikut bentuk kata kerja kala kini dengan penambahan huruf mim (م) yang dhammah (ُ) diikuti dengan satu huruf sebelum huruf terakhir yang kasrah (ِ) seperti perkataan (مُدَّخِرٌ) maksudnya “yang bergolek” dan (مُكْرِمٌ) maksudnya “ yang berbudi mulia “. Sekiranya kata nama pelaku berasal daripada kata kerja transitif (مُسَعِّىٌ), ia akan mengubah pelaku (الْفَاعِلُ) menjadi kata nama yang nominitif dan akan mengubah objek (مَفْعُولٌ بِهِ) menjadi kata nama yang akusatif. Sebaliknya jika kata nama pelaku (الْفَاعِلُ) berasal daripada kata kerja tak transitif (لَا زِمٌ), ia akan mengubah pelaku (الْفَاعِلُ) menjadikan kata nama nominitif. Dari segi kaitannya dengan masa, ia menunjukkan masa sekarang atau masa akan datang.

### 3.1.1.1.2(c) Kata nama objek (اسْمُ الْمَفْعُولِ).

Kata nama objek (اسْمُ الْمَفْعُولِ) ialah kata nama yang menunjukkan sesuatu perbuatan telah dikenakan kepada subjek contohnya (جَاءَ)

(الْمَضْرُوبُ عَدُوٌّ) maksudnya “ *telah datang hamba yang dipukul* “. Ia mempunyai beberapa jenis pola bergantung kepada jumlah huruf yang membentuk kata kerja tersebut. Sekiranya ia terbentuk daripada tiga huruf (الثَّلَاثِي الْمَجْرَدُ), pola yang sesuai ialah mengikut pola (مَفْعُولٌ) seperti (مَنْصُورٌ) dan sebagainya. Bagi selain kata kerja yang terbentuk daripada tiga huruf (الثَّلَاثِي الْمَجْرَدُ), pola yang sesuai ialah mengikut pola kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) dengan menandakan huruf kedua sebelum huruf terakhir dengan fathah ( َ ) seperti (مُدْخَرَجٌ), (مُكْرَمٌ) dan sebagainya.

### 3.1.1.1.2(d) Kata sifat musyabbahat (الصَّرْفُ الْمَشَبَّهُةُ).

Kata sifat musyabbahat (الصَّرْفُ الْمَشَبَّهُةُ) yang berasal daripada kata kerja tak transitif (لَا زِمٌ) dan berperanan seperti kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) ketika duaan (مُشَى), ketika jamak (جَمْعٌ) dan ketika feminin (مُؤَنَّثٌ) serta menunjukkan makna yang berkekalan. Ia berfungsi sebagai kata kerja (الْفِعْلُ) tanpa terikat dengan masa. Contohnya (مَرَرْتُ سَجَلٍ لِكْرِيمٍ أَوْهَةً)

maksudnya “ saya telah melintasi seorang lelaki **yang mulia** bapanya “.

### 3.1.1.1.2(e) Kata nama perbandingan (اسْمُ الْفَضْرِيْلِ)

Kata nama perbandingan (اسْمُ التَّفْضِيْلِ) yang digunakan untuk membandingkan dua perkara yang bersangkutan dan salah satunya lebih daripada yang satu lagi dengan menggunakan pola (أَفْعَلٌ).

Contohnya (أَفْضَلُ), (أَعْلَمُ), (أَحْسَنُ) dan sebagainya. Kata nama

perbandingan (اسْمُ التَّفْضِيْلِ) dapat berfungsi sebagai agen nominitif

kepada pelaku (الْفَاعِلُ) dengan syarat ia didahului dengan partikal

nafian (الْكَافِيَّةُ) seperti (مَا مِنْ أَرْضٍ أَحْوَدُ فِيهَا الْقَطَنُ مِنْهُ فِي أَرْضِ مِصْرٍ) maksudnya

“ tiada di atas muka bumi ini kapas sebaik yang ada di bumi Mesir”.

### 3.1.1.1.2(f) Kata terbitan (الْمَصْدَرُ)

Kata terbitan atau dasar (الْمَصْدَرُ) iaitu; perkataan yang menyatakan

makna kata kerja (الْفِعْلُ) sebagai penguat (الْمُتَوَكِّدُ) atau menjelaskan

kekerapan (الْعَادَةُ) kepada makna kata kerja (الْفِعْلُ). Berikut dinyatakan

jenis-jenis kata terbitan atau dasar (الْمُصَدَّرُ) yang berperanan sebagai kata kerja (الْفِعْلُ).

### 1. Kata terbitan am (الْمُنْكَرُ)

Kata terbitan am (الْمُنْكَرُ) yang dapat berperanan sebagai kata kerja terdiri daripada beberapa jenis seperti dengan maksud kata kerja kala lampau (الْمَاضِي) contohnya (أَعَجَبْتُ زَيْدَ عَمْرًا أَمْسَ), dengan maksud kata kerja kala kini dan akan datang (الْمُضَرِّعُ) contohnya maksudnya (أَعَجَبْتُ إِكْرَامَ عَمْرُوخٍ إِذْ غَدًا) maksudnya “aku mengkagumi **penghormatan** umar terhadap Zaid semalam/esok “ dan dengan maksud pada masa sekarang (الْحَالُ) contohnya (أَعَجَبْتُ إِكْرَامَ عَمْرُوخٍ إِذْ أَلَانَ) maksudnya “ Aku mengkagumi **penghormatan** umar terhadap Zaid hari ini“.

### 2. Kata terbitan khas (الْمُعْرَفُ)

Kata dasar khas (الْمُعْرَفُ) boleh terbentuk dengan beberapa jenis al-Idafah (الإِضَافَةُ) seperti yang berikut:

i. **Penggabungan** (الإِضَافَةُ) kepada pelaku (الْفَاعِلُ)

Contohnya (أَعَجَبْتَنِي ضَرْبُكَ زَيْدًا أَمْسَ) maksudnya “ *aku mengkagumi pukulan anda terhadap Zaid semalam*”.

ii. **Penggabungan** (الإِضَافَةُ) kepada pelaku (الْفَاعِلُ), objeknya

(الْمَفْعُولُ) akusatif (مَنْصُوبٌ). Contohnya (عَجَبْتُ مِنْ دَقِّ التَّوَصُّلِ الدُّبِّ) maksudnya “ *saya mengkagumi kehalusan serbuk pencuci pakaian ini* ”.

iii. **Penggabungan** (الإِضَافَةُ) kepada pelaku (الْفَاعِلُ) sementara

objeknya (الْمَفْعُولُ) tersembunyi. Contohnya (عَجَبْتُ مِنْ ضَرْبِ زَيْدٍ) maksudnya “ *aku mengkagumi pukulan Zaid semalam* ”.

iv. **Kata dasar** (الْمُصَدَّرُ) yang memerlukan objek (الْمَفْعُولُ)

kemudian digabungkan (الإِضَافَةُ) kepada objek (الْمَفْعُولُ) yang

berperanan sebagai kata kerja (الْفِعْلُ). Contohnya (عَجَبْتُ مِنْ ضَرْبِ

(زَيْدٍ..أَيَّ عَجَبْتُ مِنْ ضَرْبِ مُحَمَّدٍ زَيْدًا) maksudnya “ *saya mengkagumi pukulan umar terhadap Zaid* ”

v. **Penggabungan (الإضافة)** kepada objek (الْمَفْعُولُ), pelakunya (الْفَاعِلُ) nominatif (مَرْفُوعٌ). Contohnya ضَرَبَ اللُّصَّ الْجَلَادُ (عَجَبْتُ مِنْ ضَرَابِ اللُّصِّ الْجَلَادِ) maksudnya “ saya mengagumi **pukulan tukang sebat itu terhadap pencuri** ”.

vi. **Penggabungan (الإضافة)** kepada objek (الْمَفْعُولُ), pelakunya (الْفَاعِلُ) digugurkan (حَذْفٌ). Contohnya لَا يَبْهَمُ الْإِنْسَانُ مِنْ دُعَاءِ الْخَيْرِ (لَا يَبْهَمُ الْإِنْسَانُ مِنْ دُعَاءِ الْخَيْرِ) maksudnya " manusia tidak bosan dengan **seruan kebaikan**".

### 3.1.1.1.2(g) **Penggabungan (الإضافة)**.

Penggabungan (الإضافة) ialah setiap kata nama (الاسم) yang bergabung dengan kata nama (الاسم) yang lain atau dengan kata ganti nama (الضَّمِيرُ) seperti (بَيْتُ مُحَمَّدٍ, بَيْتُ). Kata nama yang pertama dikenali sebagai al-mudāf (المضاف). Ia berfungsi sebagai pengubah fleksi (الْعَمَلُ) kepada kata nama (الاسم) selepasnya. Manakala mudāf ilaih (المُضَافُ إِلَيْهِ) ialah kata nama (الاسم) yang bergabung dengan

muḍāf (أَلْمُضَافُ) melalui perantaraan partikel jar secara ujaran (لَفْظِيٌّ) atau andaian (تَقْدِيرِيٌّ) seperti (مَرَرْتُ نَبِيْدًا أَوْ غُلَامًا زَيْدًا). Penggabungan (الإِضَافَةُ) mempunyai dua bahagian:

**i. Penggabungan al-Ma'nawiyyaṭ (الإِضَافَةُ الْمَعْنَوِيَّةُ)**

Penggabungan al-ma'nawiyyaṭ (الإِضَافَةُ الْمَعْنَوِيَّةُ) iaitu kata nama muḍaf (أَلْمُضَافُ) bukan terdiri daripada kata adjektif (الصَّرْفَةُ) yang bergabung dengan perubah fleksi (أَلْمُعْمُولُ). Contohnya (عُلَامٌ زَيْدٍ, نَوْبٌ عَمْرٍو) maksudnya "anak Zaid" dan "baju Umar".

**ii. Penggabungan al-Lafziyyaṭ (الإِضَافَةُ اللَّفْظِيَّةُ)** iaitu kata nama muḍaf (أَلْمُضَافُ) adalah kata adjektif (الصَّرْفَةُ) yang bergabung dengan perubah fleksi (أَلْمُعْمُولُ). Contohnya (مُكْرِمُ النَّوْمِ, أَفْضَلُ النَّاسِ) maksudnya "sebaik-baik manusia, kemuliaan kaum".



### 3.1.1.1.2(h) Kata nama al-tām (الاسم التام).

Kata nama al-tām (الاسم التام) adalah pengubah fleksi (العامِل) kepada kata nama am akusatif yang berfungsi sebagai penjelas (الفتحة) kepadanya. Contohnya (مِنَوَانٌ سَمِيحٌ, قَفِيحَانِ سَيِّئٌ, عَشْرُونَ دِرْهَمًا) maksudnya “*dua puluh dirham, dua cupak gandum, seceduk minyak sapi*” . Kata nama al-tām tidak menerima penggabungan (الإضافة) kerana kata nama ini menerima tanda tanwin ( ) seperti perkataan (رُفُودٌ), nun (ن) pada kata duaan (الشَّقِيقُ) dan kata jamak (الجمع) seperti perkataan (قَفِيحَانِ dan عَشْرُونَ).

### 3.1.1.2 Sub Kategori Pengubah fleksi ma'nawīy (العامِلُ المَعْنَوِيُّ)

Pengubah fleksi ma'nawīy (العامِلُ المَعْنَوِيُّ) ialah pengubah-pengubah fleksi yang dapat ditanggapi dengan hati dan perasaan (الجان) tetapi tidak dapat diujarkan dengan lidah seperti pengubah fleksi pada subjek (المُبتدأ) dan predikat (الخبْر) dan pengubah fleksi (العامِل) pada kata kerja kala kini (الفاعل). Menurut 'Abdul Qāhir Jurjānīy (1988:312). Bagi pengubah fleksi

maknawiy. bahagian ini terbahagi kepada beberapa bahagian seperti berikut:

#### **3.1.1.2.1 Sub Kepada Sub Kategori Subjek (أَلْمُ بَعَاءُ).**

Ia termasuk dalam pengubah fleksi ma'nawīy (أَلْعَامِلُ اللَّفْظِيُّ).

disebabkan tiada tanda-tanda pengubah fleksi lafzīy (أَلْعَامِلُ اللَّفْظِيُّ).

Tambahan pula, ia hanya dapat ditanggapi dengan hati dan perasaan (أَلْحَلْدَانِ) tetapi tidak dapat diujarkan dengan lidah.

#### **3.1.1.2.2 Sub Kepada Sub Kategori Prediket (أَلْخَبْرُ).**

Ia termasuk dalam pengubah fleksi ma'nawīy (أَلْعَامِلُ اللَّفْظِيُّ) seperti

subjek (أَلْمُ بَعَاءُ) disebabkan tidak terdapat tanda-tanda pengubah

fleksi lafzīy (أَلْعَامِلُ اللَّفْظِيُّ). Sebaliknya, ia hanya dapat ditanggapi

dengan hati dan perasaan (أَلْحَلْدَانِ) tetapi tidak dapat diujarkan

dengan lidah sebagaimana subjek (أَلْمُ بَعَاءُ).

### 3.1.1.2.3 Sub Kepada Sub Kategori Kata kerja kala kini ( أَلْفَعْلُ )

( أَلْمُضَارِعُ ).

Ia termasuk di dalam pengubah fleksi ma'nawīy ( أَلْعَامِلُ الْمَعْنَوِيُّ ) disebabkan keadaannya menjadi nominitif ( مَرْفُوعٌ ) pada keadaannya yang sesuai menjadi kata nama ( أَلْإِسْمُ ). Selain itu pengubah fleksinya hanya dapat ditanggapi dengan hati dan perasaan ( أَلْحَيَّاتُ ) tetapi tidak dapat diujarkan dengan lidah.

### 3.1.2 Sub Kategori Perubah fleksi ( أَلْمُعْمُولُ ).

Perubah fleksi ( أَلْمُعْمُولُ ) iaitu; perkataan-perkataan yang berubah fleksinya berdasarkan jenis-jenis al-'amil yang berfungsi ke atasnya. Perubah fleksi ( أَلْمُعْمُولُ ). Menurut Qāhir Jurjānīy (1988:36) mempunyai bahagian-bahagian tertentu seperti berikut:

#### 3.1.2.1 Sub Kepada Sub Kategori Perubah fleksi asli ( أَلْمُعْمُولُ )

( بِلِلْأَصْرَالَةِ ). Ia pula terbahagi kepada bahagian-bahagian seperti berikut:

### 3.1.2.1.1 Nominatif ( الْمَرْفُوعُ ).

Kategori di bawah perubah fleksi asli nominatif adalah seperti berikut:

#### 1. Pelaku ( الْفَاعِلُ )

Kata nama nominatif ( الْمَرْفُوعُ ) yang terletak selepas kata kerja aktif. Contohnya ( يَعَجِبُنِي إِكْرَامُكَ الضَّيْفِ ) maksudnya " *penghormatan kamu terhadap tetamu itu mengagumkan saya* ".

#### 2. Pelaku Ganti ( لِصَاحِبِ الْفَاعِلِ )

Kata nama nominatif ( الْمَرْفُوعُ ) yang terletak selepas kata kerja pasif ( مَبْرُوءٌ لِمَنْ جَاءَ ). Contohnya ( هُزِمَ الْعَدُوُّ ) maksudnya " *dikalahkan musuh itu* ".

#### 3. Subjek ( الْمُبْتَدَأُ )

Kata nama nominatif ( الْمَرْفُوعُ ) yang diterangkan

dengan prediket ( الْخَبْرُ ). Contohnya ( الْمَدْرَسَةُ قَوَيْبَةٌ ) maksudnya " *sekolah itu hampir* ".

#### 4. Prediket (الْحَبُّ)

Prediket (الْحَبُّ) frasa kerja atau kata kerja, sama ada mempunyai pelengkap atau tidak, biasanya berfungsi sebagai salah satu unsur asas dalam ayat. Contohnya ( أَلَمْ دَرَسْ حَضِرًا ) " *guru itu datang* ".

#### 5. Kata nama bagi kata kerja kana

(اسْمُ الْأَفْعَالِ الرَّاقِصَةُ).

6. Ia adalah subjek (الْمُضَاءُ) kata nama nominatif (مَرْفُوعٌ) yang di dahului oleh salah satu **kata kerja kana** (الْأَفْعَالُ الرَّاقِصَةُ).

Contohnya (كَانَتْ الْمُدْرَسَةُ قَرِيبًا) " *sekolah itu dekat* ".

#### 7. Prediket gugusan partikel Inna (إِنَّ وَأَخْوَانَهَا)

Partikel-partikel ini dapat mengubah perkataan yang berfungsi sebagai prediket menjadi nominatif . Contohnya ( إِنَّ ) ( الْمُجِدُّ لَاجِحٌ ) maksudnya " *sesungguhnya orang yang gigih bekerja itu berjaya* ".

### 8. Prediket Lā (حَبُّ لَا الرَّافِعِي لِجِ نَسِ)

Prediket Lā (حَبُّ لَا النَّافِيَةِ لِلْجِنْسِ) ialah frasa nama atau kerja nominatif (مَرْفُوعٌ) disebabkan kemasukkan (لَا) ke dalam ayat.

Contohnya (لَا كِتَابَ يَخْلُ مِنْ فَتْحَةٍ) maksudnya " *tiada buku yang tidak berfaedah* ".

### 9. Kata nama (اسم) partikel mā (مَا) dan lā (لَا) yang

berfungsi dengan laisa (مَا شَيْئًا لَيْسَ)

Contohnya (مَا أَحْصُونَ مِنْ نَبْعَةٍ) " *kubu itu tidak kukuh* "

### 10. Kata kerja kala kini tanpa partikel jazam dan nasab

(الْفِعْلُ الْمُضَارِعُ الْخَالِيُّ مِنَ الْجَوَازِمِ وَالرُّوَاصِبِ).

Contohnya (الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَامًا وَقُعُودًا) (Surah Āli-'Imrān 3: 191)

maksudnya " *orang-orang yang mengingati Allah dalam keadaan berdiri dan dalam keadaan duduk* ".

### 3.1.2.1.2 Akusatif (مَنْصُوبٌ).

Perubah fleksi yang akusatif (مَنْصُوبٌ) mempunyai sub-kategori seperti berikut:

#### 1. Kata nama penguat (الْفِعْلُ الْمُطَّرِقُ)

Kata nama penguat (الْفِعْلُ الْمُطَّرِقُ) ialah kata nama terbitan yang disebut selepas kata kerja yang merupakan kata akar bagi tujuan pengukuhan. Contohnya firman Allah يُطَهِّرُكُمْ تَطْهِيرًا (Surah al-Aḥzab 33:33) maksudnya " Allah s.w.t membersihkannya dengan **sebersih-bersihnya** ".

#### 2. Objek (الْمَفْعُولُ بِهِ)

Objek (الْمَفْعُولُ بِهِ) ialah sasaran kepada kata kerja transitif. Contohnya firman Allah s.w.t. وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا (Surah al-Baqaraḥ 2: 275) maksudnya " Allah s.w.t. menghalalkan **jual beli** dan mengharamkan **riba** ".

### 3. Kata keterangan (الْمَفْعُولُ فِيهِ).

Kata keterangan (الْمَفْعُولُ فِيهِ) ialah kata nama akusatif yang membawa makna “di” dan “pada” digunakan bagi menerangkan masa atau tempat berlakunya sesuatu peristiwa (kata keterangan). Contohnya (سَرَّيْتُ الطَّائِعَةَ لَيْلًا) maksudnya "kapalterbang itu terbang **pada waktu malam**".

### 4. Kata nama sebab (الْمَفْعُولُ لِأَجْلِهِ)

Kata nama sebab (الْمَفْعُولُ لِأَجْلِهِ) ialah kata nama terbitan yang digunakan bagi menerangkan sebab perlakuan dibuat. Contohnya (حَضَرْتُ إِلَى الْجَامِعِ طَلِبًا لِلْعِلْمِ) maksudnya "saya hadir ke universiti **untuk menuntut ilmu**".

### 5. Kata nama pengiring (الْمَفْعُولُ مَعَهُ)

Kata nama pengiring (الْمَفْعُولُ مَعَهُ) ialah kata nama akusatif yang terletak selepas partikel (و) yang mengiringi kata kerja dan pelaku yang mendahuluinya. Contohnya (حَضَرْتُ مُحَمَّدًا وَعُرُوبَ الشَّمْسِ)



maksudnya " Muhammad datang **seiringan** dengan terbenamnya matahari".

#### 6. Kata penerang (الْحَالُ)

Kata nama am akusatif yang menerangkan perihal pelaku atau objek ketika berlakunya sesuatu perbuatan. Seperti firman Allah

s.w.t. خَيْفُونَ أَمْوَالَهُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ سِرًّا وَعَلَانَةً (surah al-baqaraḥ 2:274)

maksudnya " orang yang membelanjakan harta bendanya pada malam hari dan siang hari **secara sembunyi dan terang-terangan** ".

#### 7. Kata tamyīz (التَّمْيِيزُ)

Kata tamyīz (التَّمْيِيزُ) ialah kata nama am akusatif yang disebut bagi

menerangkan perkataan sebelumnya yang tidak jelas. Contohnya

( لَسَ مِنْ قَدَمِ حَرِيرٍ ) maksudnya " dia memakai pakaian dari **jenis**

**sutera**".

### 8. Kata pengecualian (أَمْ سَنُؤْفَىٰ)

Kata pengecualian (الْمُسْتَشْتَىٰ) ialah kata nama akusatif selepas partikel (حَضَرَ الرَّجَالُ إِلَّا زَيْدًا). Contohnya (إِلَّا، غَيْرَ، سِوَى، خِلَافًا، عَدَا، حَاشَا).  
*maksudnya " Semua orang lelaki telah datang kecuali **Zaid** " .*

### 9. Prediket (خَبَرُ الْأَفْعَالِ الرَّائِعَةِ) kata kerja kāna (أَلْخَبَرُ)

laitu frasa nama atau kata kerja, sama ada mempunyai pelengkap atau tidak, biasanya berfungsi sebagai salah satu unsur asas dalam ayat. Contohnya (لَكَانَ أَلْمُدْرَسُ حَاضِرًا) maksudnya "*guru tersebut telah **datang** " .*

### 10. Kata nama bagi kumpulan partikel Inna (اسْمٌ إِنَّ وَأَخَوَاتُهَا)

Ia adalah kata nama akusatif (مَنْصُوبٌ) yang didahului oleh salah satu partikel dari kumpulan Inna (إِنَّ وَأَخَوَاتُهَا) Contohnya إِنَّ زَيْدًا قَائِمٌ  
*maksudnya " sesungguhnya **Zaid** telah berdiri " .*

**11. Kata nama partikel nafi (لَا) kategori jenis (اسْمٌ لَا النَّافِيَةُ لِلِجِ نَسِ).**

Kata nama (مَنْصُوبٌ) (اسْمٌ لَا النَّافِيَةُ لِلِجِ نَسِ) adalah kata nama akusatif (لَاكَ يَلِيبَ) disebabkan kemasukkan (لَا) ke dalam ayat. Contohnya (لَا كِتَابَ ) maksudnya “ tiada kitab yang tidak mempunyai faedah”.

**12. Predikat partikel mā dan lā ( مَا وَلَا ) yang berfungsi**

**seperti laisa (أَلَمْ شَيْئًا يَلِيبَ).**

Prediket partikel mā dan lā ( مَا وَلَا ) (أَلَمْ شَيْئًا يَلِيبَ). Iaitu frasa nama atau kata kerja akusatif (مَنْصُوبٌ), sama ada mempunyai pelengkap atau tidak berfungsi sebagai salah satu unsur asas dalam ayat. Contohnya (مَا الْحُصُونُ مِنْهُنَّ) “kubu itu tidak kukuh”

**13. Kata kerja kala kini yang didahului oleh agen akusatif**

(أَلَمْ ضَرَعُ دَخَلَهُ إِحْدَى الرُّوَاصِبِ).

Agen-agen akusatif (أَلَمْ ضَرَعُ) yang mengubah kata kerja kala kini

(أَنْ, لَنْ, إِذَنْ, كَيْ) seperti (فَعْلُ الْمُضَارِعِ).

Contohnya *لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ* (Surah Ali 'Imran:92) "**kamu**

**tidak akan mencapai** kebaikan sehingga kamu belanjakan sesuatu yang kamu sukai".

### 3.1.2.1.3 Genitif (مَجْرُورٌ).

Perubah fleksi yang genitif ini mempunyai dua sub-kategori seperti yang berikut:

#### 1. Genitif dengan partikel (مَجْرُورٌ بِطَلْحِ رُوفٍ)

Genitif dengan partikel (مَجْرُورٌ بِالْحُرُوفِ) seperti partikel jar (الْجَرُّ)

Contohnya firman Allah s.w.t. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (Surah al-Fātiḥah 1:1).

#### b. Genitif dengan penggabungan (مَجْرُورٌ بِالِإِضَافَةِ).

Genitif dengan penggabungan (مَجْرُورٌ بِالِإِضَافَةِ) ialah penggabungan

kata nama (الِاسْمُ) yang bergabung dengan kata nama (الِاسْمُ) yang

lain atau dengan kata ganti nama (الضَّمِيرُ) seperti (بَيْتٌ مُحَمَّدٌ دِيْبِيٌّ). Kata

nama yang pertama dikenali sebagai al-mudhaf (الْمُدْحَافُ).

Ia berfungsi sebagai pengubah fleksi (الْعَامِلُ) kepada kata nama (الِاسْمُ)

selepasnya. Manakala mudaf ilaih (الْمُضَافُ إِلَيْهِ) ialah kata nama (الاسْمُ) yang bergabung dengan al-mudaf (الْمُضَافُ) melalui perantaraan partikel jar secara ujaran (لَفْظِيٌّ) atau andaian (تَقْوِيْرِيٌّ) seperti (مَرَرْتُ) (نَبِيْدٌ أَوْ عَلَامٌ زَيْدٍ)

#### 3.1.2.1.4 Jazam (الْجَزْمُ).

Perubahan fleksi ini hanya khusus untuk kata kerja kala kini yang didahului oleh salah satu partikel jazam iaitu (لَمْ, لَمَّا, لَأَمْ الْأَمْرِ, لَا أَلَّاؤُهُ) dan untuk kata kerja kala depan dan imperatif (الْأَمْرُ) yang asal tandanya baris mati ( ° ) bagi huruf yang terakhir. Contohnya (جَاءَ) (مَوْعِدُ الْإِمْعَانِ وَلَمْ تَحْسُرُوا)

#### 3.1.2.2 Sub Kepada Sub Kategori Perubah fleksi susulan (الْمَعْمُولُ بِلِغَتَيْهِ)

Menurut 'Abdul Qāhir Jurjānīy (1988:32), perubah fleksi susulan mempunyai bahagian-bahagian seperti berikut:

### 3.1.2.2.1 Al-Taukīd (التوكيد)

Al-Taukīd (التوكيد) ialah kata susulan bagi tujuan pengukuhan kepada yang disusuli. Contohnya (حَضَرَ الْوَأَخِي نَفْسَهُ).

### 3.1.2.2.2 Al-Badal (البدل)

Al-Badal (البدل) ialah kata susulan yang sama fleksinya tanpa partikel penghubung, serta didahului oleh kata yang lain seperti (عَدَلَ الْخُلَيْفَةَ) (عَلَيَّْ)

### 3.1.2.2.3 Al-'Aṭaf (العتاف)

Kata penghubung persetaraan atau iringan yang sama fleksinya. Contohnya جَاءَ عَلَيَّ وَ مَحَمَّدٌ

### 3.1.2.2.4 Al-Ṣifaṭ (الصفة)

Perkataan atau ungkapan yang menyusuli kata nama bagi menerangkan sifatnya. Ia dinamakan dengan sifat hakiki, atau bagi menerangkan sifat objek selepasnya ia dinamakan sifat sababīy (جَاءَ الرَّجُلُ الْفُلْضَلُ جَاءَ الرَّجُلُ الْفُلْضَلُ أَخُوهُ), seperti (السَّبَبِيَّةِ)

### 3.1.3 Sub Kategori Tanda fleksi ( أَلْعَمَلُ أَوْ عِلَامَةُ الْإِعْرَابِ )

Tanda fleksi mempunyai beberapa bahagian seperti yang dijelaskan oleh 'Abdul Qāhir Jurjānīy (1988:32) berikut:

#### 3.1.3.1 Sub Kepada Sub Kategori Tanda fleksi ( أَلْحُرُوكَةُ )

Tanda fleksi ( أَلْحُرُوكَةُ ) terdiri daripada beberapa kategori seperti tanda harakat ḍammaṭ ( ُ ), tanda harakat fathaṭ ( َ ). dan tanda harakat kasraṭ ( ِ ).

#### 3.1.3.2 Sub Kepada Sub Kategori Partikel ( أَلْحُرُوفُ )

Dalam sistem i'rab bahasa Arab, selain tanda fleksi ( أَلْحُرُوكَةُ ) tanda fleksi juga dapat diketahui menerusi huruf-huruf tertentu. Huruf-huruf ini merupakan tambahan kepada kata nama tunggal ( أَلْمُفْرَدُ ) bagi menunjukkan bilangan duaan ( مُنْثَى ) atau jamak ( جَمْعٌ ) . Secara terperinci ia adalah seperti berikut:

### 3.1.3.2(a) Huruf wau ( و )

la menjadi tanda fleksi (عَلَامَةُ الْإِعْرَابِ) kepada kata nama nominitif (الرَّفْعُ) khususnya kata jamak maskulin (جَمْعٌ مَذَكَّرٌ) seperti perkataan أَلْمُؤْمِنُونَ dan gugusan kata nama yang enam (أَسْلَمُوا السَّرِيقَةَ).

### 3.1.3.2(b) Huruf Ya' ( ي )

la menjadi tanda fleksi (عَلَامَةُ الْإِعْرَابِ) kepada kata nama akusatif (الرَّصْبُ) khususnya kata jamak maskulin (جَمْعٌ مَذَكَّرٌ) seperti perkataan الرَّالِكِ عَيْنَ dan kata duaan (مُتَعَيٌّ) seperti (مَرَرْتُ بِالْبَطَالِينِ)

### 3.1.3.2(c) Alif ( ا )

la menjadi tanda fleksi (عَلَامَةُ الْإِعْرَابِ) kepada kata nama nominitif (الرَّفْعُ) duaan (مُتَعَيٌّ) seperti (نَجَّحَ الطَّالِبِينَ)



### 3.1.3.2(d) Nun ( ن )

la menjadi tanda fleksi (عَلَامَةُ الْإِعْرَابِ) kepada kata kerja kala kini (بِفِيئَتِ الرَّؤُونِ) dengan mengekalkan huruf nun (ن) (أَلَمْ ضَلِرْ عِ).

Contohnya (يَحْتَكِرُونَ, يَحْتَكِرَانِ, يَحْتَكِرُونَ, يَحْتَكِرِينَ)

### 3.1.3.3 Sub kepada Sub Kategori Pengguguran (أَلْحَذْفُ).

Sub kepada Sub Kategori Pengguguran (أَلْحَذْفُ) dapat dilihat dalam pembahagian berikut:

#### 3.1.3.3(a) Pengguguran baris (حَذْفُ الْحَرَكَةِ)

la menjadi tanda fleksi (عَلَامَةُ الْإِعْرَابِ) kepada kata kerja kala kini (أَلَمْ ضَلِرْ عِ) yang didahului oleh partikel jazam (أَدَاةُ الْجَزْمِ) seperti (لَمْ يَكُنْ).

#### 3.1.3.3(b) Pengguguran huruf terakhir (حَذْفُ الْحَرْفِ الْأَخِيرِ)

la menjadi tanda fleksi (عَلَامَةُ الْإِعْرَابِ) kepada kata kerja kala kini

( أَدَاةُ الْجَزَامِ ) yang didahului oleh partikel jazam ( أَلَمْ ضَرْعٌ )

seperti ( لَمْ أَرْضَ )

### 3.1.3.3(c) Pengguguran huruf nun (حَذْفُ النُّونِ).

la menjadi tanda fleksi (عَلَامَةُ الْإِعْرَابِ) kepada kata kerja kala kini

(الرَّوَّاصِبُ) yang didahului oleh agen akusatif (أَلَمْ ضَرْعٌ) dan

partikel jazam ( أَدَاةُ الْجَزَامِ ) dengan mengekalkan huruf nun (ن)

(بِضْتِ النُّونِ). Contohnya

(لَمْ يَحْكُوا, لَمْ يَحْكُوا, لَمْ يَحْكُوا, لَمْ يَحْكُوا, لَمْ يَحْكُوا).

Ringkasan terhadap huraian yang lalu dapat difahami menerusi rajah 3.1  
berikut:



### **3.2 Penutup.**

Sebagai kesimpulannya, bab ini telah menjelaskan kumpulan perkataan yang mengubah fleksi perkataan lain yang dikenali sebagai pengubah fleksi (العوامل) dari aspek jenis perkataan, kesan perubahan pada fleksi perkataan dan tanda perubahan pada hujung perkataan.